



BE  
AWE  
SOME  
BE  
MASS  
CO  
MM



VOLUME  
**02**

# PERANAN APLIKASI OPEN BROADCASTER SOFTWARE (OBS) DALAM SIARAN LANGSUNG PENYIARAN DAN PENSTRIMAN DIGITAL

Oleh : Nurul Nisha Mohd Shah & Mohd Razman Basinon

Open Broadcaster Software (OBS) adalah perisian sumber terbuka yang digunakan secara meluas untuk siaran langsung penstriman digital. Dalam era digitalisasi yang pesat, perisian OBS telah menjadi alat penting bagi pelbagai industri, termasuk pendidikan, hiburan, dan perniagaan.

Antara kelebihan perisian OBS adalah:

1. Perisian Sumber Terbuka dan Percuma  
Perisian OBS adalah perisian sumber terbuka yang boleh diakses dan digunakan tanpa kos tambahan oleh pengguna dari pelbagai latar belakang.

Keadaan ini telah menjadikannya pilihan yang sangat menarik bagi individu dan organisasi yang ingin memulakan penstriman tanpa perlu melabur dalam perisian yang mahal. Menurut laporan dari GitHub, perisian OBS ini telah dimuat turun lebih daripada 50 juta kali seterusnya membuktikan popularitinya yang meluas.

2. Penyokong Pelbagai Platform Penstriman  
Perisian OBS menyokong pelbagai platform penstriman seperti YouTube Live, Tiktok Live, Facebook Live, Shoppe Live, Twitch dan Discord. Perisian ini juga dapat menyokong untuk mengintegrasikan kepada panggilan video, mesyuarat dan persidangan dalam talian, sebagai contoh integrasi kepada Google Meet, Zoom, Webex, Telegram dan Microsoft Teams. Ini membolehkan pengguna menyiaran kandungan mereka kepada penonton yang lebih luas, meningkatkan jangkauan dan penglibatan. Data dari Agensi menunjukkan bahawa pada tahun 2023, terdapat lebih daripada 2.7 bilion pengguna aktif bulanan di YouTube, menjadikan platform ini sebagai salah satu destinasi utama untuk penstriman langsung.

3. Ciri-ciri Canggih  
Selain itu, perisian OBS turut menawarkan pelbagai ciri canggih seperti penambahan teks, imej, audio, video, permainan video atas talian dan layar hijau (*green screen*), serta keupayaan untuk menukar antara pelbagai sumber secara langsung. Keadaan ini pastinya dapat meningkatkan kualiti dan profesionalisme siaran langsung, seterusnya menjadikannya lebih menarik dan interaktif. Maka tidak hairanlah jika para penstrim profesional menggunakan OBS kerana fleksibiliti dan ciri-cirinya

yang komprehensif.

Dalam sektor pendidikan, perisian OBS telah digunakan secara meluas untuk pembelajaran dalam talian, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Para pensyarah dapat menyiaran kuliah secara langsung, berkongsi slaid, dan berinteraksi dengan pelajar melalui ciri-ciri interaktif yang disediakan oleh perisian ini. Menurut kajian dari UNESCO, lebih daripada 1.5 bilion pelajar di seluruh dunia terjejas oleh penutupan sekolah semasa pandemik. Oleh itu, bagi mendorong kembali motivasi mereka untuk belajar maka para pendidik telah menggunakan alat bantuan mengajar dalam talian seperti perisian OBS.

Sebagai contoh, satu kajian dilakukan di Universiti Gadjah Mada, Indonesia telah menunjukkan bahawa penggunaan perisian OBS dalam pembelajaran bahasa Indonesia melalui YouTube telah meningkatkan interaksi dan pemahaman pelajar terhadap bahan pengajaran. Kajian ini juga mendapat bahawa pelajar yang menggunakan perisian OBS sewaktu sesi kuliah dalam talian menunjukkan peningkatan 20 peratus dalam prestasi akademik mereka.

Perisian OBS juga banyak digunakan dalam industri hiburan, seperti penyiaran secara langsung acara muzik, permainan video dan persempahan seni. Artis dan penghibur dapat berinteraksi secara langsung dengan peminat mereka walaupun acara diadakan secara atas talian. Keadaan ini pastinya dapat memberikan pengalaman interaktif kepada penonton. Menurut laporan dari Newzoo, industri permainan video global dijangka mencapai nilai \$159.3 bilion pada tahun 2020, dengan penstriman langsung menjadi salah satu pendorong utama pertumbuhan ini.

Bagi sektor perniagaan pula, perisian OBS digunakan untuk penstriman langsung acara korporat, pelancaran produk dan sesi latihan. Syarikat dapat menyiaran acara mereka kepada peserta global, meningkatkan jangkauan dan mengenalkan jenama. Menurut laporan dari Grand View Research, pasaran penstriman video global dijangka mencapai \$184.3 bilion pada tahun 2027, dengan penstriman langsung korporat menjadi segmen yang berkembang pesat.

# PENGUASAAN SENI KOMUNIKASI SARKASME MELALUI JENAKA DAN KIASAN

Oleh : Fakrulnizam Jafri

Kamus Dewan Edisi Keempat telah mendefinisikan sarkasme sebagai kiasan atau ironi yang mengandungi unsur-unsur kata pedas yang bertujuan untuk menyakitkan hati seseorang atau sindiran. Sarkasme adalah strategi bahasa yang berkuasa yang digunakan dalam interaksi manusia dalam menyampaikan pelbagai lapisan makna dan merangsang pemikiran. Penggunaan sindiran apabila mengulas pandangan orang lain dapat menggalakkan aktiviti perbincangan yang mendalam dan terperinci berkenaan sesuatu isu di samping menggabungkannya dengan penyampaian secara bersahaja melalui jenaka dan kiasan.

Sarkasme, yang merujuk kepada penggunaan sindiran halus yang bertujuan untuk mengejek atau menyatakan sesuatu pendapat secara jenaka, boleh memberi kesan positif dan negatif dalam komunikasi tingkah laku. Penutur atau penulis perlu mahir dalam melaksanakan komunikasi tersebut yang berfungsi sebagai medium kritikan sosial dan kecerdasan, sentuhan ringan ke atas subjek yang berat. Namun, kejayaannya adalah bergantung kepada keadaan tertentu, cara penyampaian, dan tahap pemahaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh penerima sasaran.

Komunikasi berdasarkan teks harus dilakukan dengan penuh hemah dan bertanggungjawab dengan menggunakan sindiran dalam komen bertulis yang tidak mempunyai petunjuk oleh nada dan ekspresi muka yang mungkin mengakibatkan salah tanggapan yang biasanya tidak ditemui dalam perbincangan bersemuka. Oleh itu, mencapai keseimbangan harmoni antara kejelasan dan sindiran menjadi penekanan yang amat penting dengan penuh adil dan berhati-hati umpama menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus dan tepung jangan berserak.

Sarkasme boleh berfungsi sebagai instrumen yang kuat untuk kritikan sambil meninggalkan komen pada penulisan dan pertuturan. Penggunaan sindiran dan bukannya kritikan langsung boleh menerangkan secara berkesan sebarang percanggahan idea penulis sambil menambah sentuhan jenaka pada karyanya. Sebaliknya, mengkritik sesuatu isu

dengan alasan yang salah, komen sarkastik boleh mendedahkan kesilapan logik secara bijak dan berseni membuatkan hasil yang berguna dengan menghiburkan pembaca.

Tambahan pula, sindiran berpotensi untuk menggalakkan penyertaan aktif dengan menggalakkan perbincangan isu dengan penuh bertenaga dan semangat. Kenyataan sarkastik yang diletakkan dengan betul berpotensi untuk menggesa pembaca menganalisis isi artikel, mendorong mereka untuk berkongsi pandangan mereka dan sama-sama turut mengambil bahagian aktif dan kritis dalam perbincangan. Sarkasme mempunyai keupayaan untuk mengubah perbualan biasa menjadi perbualan yang menarik dengan pengenalan kepada elemen jenaka atau komedi.

Bagaimanapun, adalah penting untuk menggunakan sindiran dengan cara yang bertanggungjawab, berhati-hati dan adil dalam menyedari keupayaannya untuk menyebabkan kesalahan atau mengeruhkan suasana komunikasi antara individu terlibat. Interaksi yang sama mungkin dilihat oleh sesetengah individu sebagai usikan ringan, namun bagi sesetengah yang lain mungkin menganggap ia sebagai tingkah laku yang agresif. Oleh yang demikian, adalah penting untuk menunjukkan kawalan diri dan kesedaran tentang topik perbincangan dengan mengambil kira aspek sensitiviti kumpulan sasaran.

Sebagai rumusan, sindiran apabila digunakan dengan sewajarnya boleh meningkatkan komunikasi tingkah laku dengan menyuntik elemen kepandaian dan kiasan. Penggunaan sindiran dalam ulasan secara penulisan dan pertuturan boleh menyumbang kepada peningkatan kritikan, merangsang pertikaian dan menambah seri dalam perbincangan yang terkawal. Namun, adalah penting untuk berhati-hati semasa menggunakan sindiran, menyedari keupayaannya untuk disalaherti. Dengan mengekalkan gabungan kecerdasan minda dan kesungguhan yang tinggi, seseorang individu dapat menjalankan perundingan dengan tenang, mendepani cabaran komunikasi sarkastik yang menggalakkan proses pembelajaran sepanjang hayat.